

# Tuntutan penculik tidak wajar

BH 27 MAY 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Hassan Ahmad

JITRA. Jumaat – Malaysia tidak bersetuju dengan tuntutan kumpulan penculik yang menahan 21 tebusan di Pulau Jolo, Filipina, supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Sabah bagi menyiasat apa yang didakwa sebagai 'pelanggaran hak asasi manusia' terhadap pendatang bangsa Moro di Sabah.

Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cadangan itu adalah tidak wajar kerana belum pernah Malaysia menubuhkan suruhanjaya seumpama itu dengan kumpulan yang membuat tuntutan.

Sebaliknya, beliau berkata kumpulan penculik berkeinginan boleh menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dan Malaysia bersedia mendelegasikan.

"Kita bagi layanan...kalau apa-apa perkara tidak puas hati, mereka boleh bagi tahu. Belum pernah kita ada suruhanjaya dengan kumpulan seperti itu. Apa akan kerajaan Filipina kata pada kita.

"Kita juga tidak suka kalau ada pemberontak daripada Malaysia adakan (menuntut) suruhanjaya di negara lain," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan sehari di kawasan Parlimen Kubang Pasu, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas tuntutan kumpulan itu bagi mendapatkan pembebasan mangsa culik. Selain penubuhan suruhanjaya, satu lagi tuntutan penting kumpulan itu ialah penubuhan sebuah negara Islam merdeka di Mindanao.

- **Belum pernah kita ada suruhanjaya dengan kumpulan seperti itu.**
- **Malaysia memberi layanan sewajarnya kepada pendatang Filipina di Sabah, termasuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.**

– PM

Semalam, ketua kumpulan itu, Galib Andang atau lebih dikenali sebagai Komander Robot dilaporkan memohon maaf kepada Perdana Menteri dan orang Islam di Sabah sambil berkata tindakan mereka bukan bertujuan membawa Sabah keluar dari Malaysia.

Robot yang ditemui di tempat persembunyiannya di Pulau Jolo berkata, pendatang Filipina di Sabah tidak perlu ditindas dan ditangkap jika tidak melakukan kesalahan seperti jenayah dan penyeludupan dadah.

Mengulas lanjut mengenai tuntutan dan dakwaan berkenaan, Dr Mahathir berkata Malaysia memberi layanan sewajarnya kepada pendatang Filipina di Sabah, termasuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Justeru, katanya, adalah tidak wajar kumpulan itu mendakwa kerajaan menindas dengan menangkap mereka sesuka hati kecuali yang melanggar undang-undang.

"Kita menjadi tuan rumah kepada pendatang yang kita tak jemput. Bagi layanan istimewa pada mereka. Mereka guna sekolah, klinik dan hospital sehingga kadang-kadang lebih banyak penda-

tang Filipina dalam sekolah dan klinik.

"Kalau tidak lakukan jenayah mereka tidak dikacau. Di Sabah kita belanja berjuta ringgit beri pelajaran kepada anak mereka dan merawat mereka.

"Saya fikir amat tidak kena kalau kata kita tinas pendatang Filipina. Kalau buat kesalahan kita terpaksa ambil tindakan. Rakyat kita pun kita ambil tindakan.

"Kadang-kadang mereka (pendatang) miliki senjata. Di Malaysia tidak dibenar miliki senjata melainkan ada lesen. Ini kadang-kadang ada mesingan. Jadi terpaksa kita ambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kumpulan itu sepatutnya membebaskan semua tahanan kerana permintaan mereka sudah diketahui semua pihak, sekali gus menimbulkan simpati pelbagai pihak.

"Masalah mereka saya fikir dunia sudah ketahui dan kalau bebaskan tebusan mereka dapat simpati dunia. Jika tidak bebassaya fikir dunia akan pandang serong pada perjuangan mereka dan mungkin tidak akan dapat apa-apa kejayaan," katanya.